


## 10. Dompet Haziq

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



### Kata bantuan:

tercicir  
cemas  
memanggil

terjumpa  
berjabat tangan  
terima kasih

Pada suatu hari, Haziq dan rakan-rakannya bermain bola sepak di padang sekolah pada waktu rehat. Haziq terlalu seronok bermain sehingga dia tidak menyedari bahawa dompetnya **tercincir**.

Setelah penat bermain bola, Haziq pergi ke kantin sekolah untuk membeli air. Dia mula merasa **cemas** apabila dia menyedari bahawa dompetnya sudah hilang. Haziq pun menangis.

Tiba-tiba, Haziq terdengar suara seseorang **memanggil** namanya. Dia ternampak Alif sedang memegang dompetnya yang hilang itu.

Alif memberitahu Haziq bahawa dia **terjumpa** dompet Haziq di padang tadi. Haziq pun **berjabat tangan** dengan Alif. Dia juga mengucapkan **terima kasih** kepada Alif kerana memulangkan kembali dompetnya itu.